

PERSADA sertai khidmat masyarakat

► *Beri sumbangan bakti dan mewujudkan hubungan silaturahim dengan penduduk kampung*



Dari Kampus

KOTA KINABALU: Seramai 25 orang ahli Permuafakatan Siswaswi Felda (PERSADA)

menyertai program Khidmat Masyarakat yang bertempat di Kampung Rampayan, Kota Kinabalu pada 23 Mac.

Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada ahli PERSADA untuk terlibat dengan program khidmat masyarakat.

Selain itu, program ini juga bertujuan untuk memupuk semangat keinginan ahli PERSADA



PENYAMPAIAN sumbangan kepada tuan rumah penduduk Kampung Rampayan yang terpilih.

untuk memberi sumbangan kepada masyarakat dengan melakukan aktiviti kemasyarakatan.

Di samping itu, ia juga dapat mengeratkan hubungan silaturahim antara ahli PERSADA bersama penduduk kampung. Selain itu program ini juga bertujuan untuk menanam sifat syukur dalam diri setiap ahli PERSADA supaya sentiasa

menghargai masyarakat di sekeliling yang kurang bernasib baik.

Dengan tema 'Help is a Sign of Care' yang diinspirasikan oleh pengarah program, Najibah Binti Ibrahim percaya bahawa program yang berlangsung selama setengah hari itu sedikit sebanyak dapat membuka minda ahli kelab PERSADA untuk sentiasa bersyukur



GAMBAR peserta bersama tuan rumah sekeluarga selepas program selesai.

dengan apa yang dimiliki dan kecapi kerana tidak semua insan mempunyai apa yang kita miliki dalam kehidupan ini.

Turut hadir dalam majlis

itu ialah Pegawai Penyelaras PERSADA Mohd Alwi Bin Osman.

Timbalan Naib Canselor (HEPA), Prof. Dr. Ismail Ali berkata program khidmat

masyarakat seperti ini amat baik bagi para pelajar UMS memberikan sumbangan bakti dan mewujudkan hubungan silaturahim dengan penduduk kampung.



SESI beramah mesra bersama tuan rumah.